

**Pendengaran Awam**  
**Penambahbaikan Proses Pilihan Raya**  
**Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Malaysia**

Oleh: Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Negeri Sabah

Bil.	Bidang	Butiran	Keterangan	Catatan
1.	Proses Pilihan Raya dari pencalonan ke pengiraan undi ke pengumuman pemenang	Pemulangan Kertas Undi  <i>( Berdasarkan kepada Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 – Akta 5)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ PAS Sabah mencadangkan agar, mana-mana kertas undi yang diterima oleh pengundi hendaklah dimasukkan ke peti undi meskipun tidak mengundi/ memilih calon bertanding</li> <li>✓ PAS Sabah juga mencadangkan, mana-mana individu yang didapati membawa keluar kertas undi sama ada telah mengundi/ tidak mengundi telah melakukan kesalahan/ mengandungi unsur-unsur sabotaj/ berniat jahat dan penipuan dalam pilihan raya</li> <li>✓ Oleh yang demikian, Suruhanjaya juga diminta untuk menambahbaik dan dimaklumkan bahawa membawa keluar kertas undi adalah merupakan satu kesalahan di bawah peruntukkan undang-undang Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 – Akta 5</li> </ul>	
2.	Daftar Pemilih	Pembersihan Daftar Pemilih bagi pengundi yang telah meninggal dunia  <i>( Berdasarkan kepada Akta Pilihan Raya 1958 – Akta 19, Bahagian IV: Pendaftaran pemilih)</i>  <i>( Berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya - Pendaftaran Pemilih 2002)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ PAS Sabah mencadangkan agar proses mengenalpasti pengundi yang telah meninggal dunia dipanjangkan kepada pihak selain ahli keluarga - bukan waris/ masyarakat setempat yang mengenali si mati</li> <li>✓ Ahli keluarga/ bukan waris/ masyarakat setempat dibenarkan membuat laporan Polis, dan menjadi tugas Polis dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk memastikan dan membuat pengesahan pengundi tersebut benar-benar telah meninggal dunia</li> <li>✓ Selepas siasatan tersebut, Polis dan JPN hendaklah memanjangkan laporan tersebut kepada Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) untuk dibuat pembersihan daftar pemilih</li> <li>✓ Hal ini memandangkan keadaan kemungkinan ada kes kematian yang tidak dilaporkan oleh ahli keluarga/ waris</li> </ul>	
3.	Daftar Pemilih	Pendaftaran Pemilih secara automatik	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Mengikut statistik warganegara Malaysia yang berumur 21 tahun dan keatas yang belum mendaftar sebagai pemilih suku pertama tahun 2010, adalah sebanyak 4, 312, 375 orang dan negeri Sabah pula adalah sebanyak 319, 275 orang</li> </ul>	

		<p><i>(Berdasarkan kepada Akta Pilihan Raya 1958 – Akta 19, Bahagian IV: Pendaftaran pemilih)</i></p> <p><i>(Berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya - Pendaftaran Pemilih 2002)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Memandangkan hak untuk mengundi bagi setiap individu yang layak adalah dijamin oleh Perlembagaan, maka menjadi keperluan semasa pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) untuk melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik</li> <li>✓ Kewujudan teknologi dan infrastruktur ICT yang semakin canggih mampu menjadikan pelaksanaan kaedah ini adalah realistik</li> <li>✓ PAS Sabah mencadangkan, sekiranya para pemilih perlu mengubah tempat mengundi, pemilih boleh mengikut proses pemindahan pendaftaran seperti yang sedia ada</li> </ul>	
4.	Proses Pilihan Raya dari pencalonan ke pengiraan undi ke pengumuman pemenang	<p>Undi Pos</p> <p><i>(Berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya – Pengundian Pos 2003)</i></p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ PAS Sabah mencadangkan agar pelaksanaan Undi Pos diubah formatnya kepada Undi Awal</li> <li>✓ Iaitu proses pembuangan undi dilakukan seperti mana prosedur biasa pengundian awam (melibatkan prosedur seperti – wakil calon, polling agent dan counting agent) Cuma dilaksanakan beberapa hari lebih awal daripada pengundian awam</li> <li>✓ Pemilih yang terlibat dengan Undi Awal ini akan membuang undi ditempat pembuangan undi (lokality) yang berhampiran dengan tempat tinggal semasa mereka (menggunakan lokality pemilih awam)</li> <li>✓ Pengiraan jumlah pengundian hendaklah dilakukan pada hari yang sama</li> <li>✓ Pengumuman rasmi oleh Pengurus Pilihan Raya juga hendaklah dilakukan sebaik sahaja keputusan rasmi penjumlahan undi diperoleh (wakil-wakil parti politik hendaklah diberikan Borang 14 -Penyata Pengundi Selepas Pengiraan Undi sebaik sahaja proses pengundian)</li> <li>✓ Bagi pemilih yang terpaksa melaksanakan tugas diperbatasan negara (anggota tentera dan polis yang menjaga sempadan negara) PAS Sabah mencadangkan agar mereka membuang undi secara Undi Pos seperti sedia ada</li> <li>✓ Hal ini baagi mengelakkan sebarang ketirisan dan kebocoran kertas undi</li> </ul>	
5.	Undang-Undang dan Peraturan	Penggunaan dakwat kekal	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ PAS Sabah mencadangkan, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menggunakan penggunaan dakwat kekal dalam proses perjalanan pilihan raya</li> </ul>	

		<i>( Berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya – Perjalanan Pilihan Raya 1981)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Hal ini bagi mengatasi masalah penggundian berganda (lebih dari sekali) oleh mana-mana individu yang tidak bertanggungjawab</li> <li>✓ Penggunaan dakwat kekal tersebut, perlu meninggalkan tanda yang jelas (yang tidak meragukan) bagi mana-mana pengundi yang telah melaksanakan kewajipan mengundi</li> </ul>	
6.	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Pengundi Luar Negara  <i>( Berdasarkan kepada Akta Pilihan Raya 1958 – Akta 19, Bahagian IV: Pendaftaran pemilih)</i>  <i>( Berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya - Pendaftaran Pemilih 2002)</i>  <i>( Berdasarkan kepada Peraturan-Peraturan Pilihan Raya – Perjalanan Pilihan Raya 1981)</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ PAS Sabah mencadangkan agar rakyat Malaysia yang berada di luar negara diberikan peluang untuk membuang undi secara Undi Awal</li> <li>✓ Memandangkan bahawa hak mereka selaku warganegara yang telah mencapai umur 21 tahun untuk mengundi telah dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan, maka adalah menjadi tanggungjawab Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang telah diamanahkan untuk melaksanakan proses Pilihan Raya ini seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan Persekutuan untuk membantu mereka mendapatkan hak mereka</li> </ul>	
7.	Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR)	Pembekalan Bahan Panduan Perjalanan Pilihan Raya	<ul style="list-style-type: none"> <li>✓ Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) adalah diminta untuk menyediakan bahan panduan berkaitan proses/ perjalanan Pilihan Raya kepada wakil-wakil parti politik – Buku Panduan Ejen Tempat Mengundi dan Ejen Mengira Undi Edisi Terkini yang sehingga kini belum dikeluarkan oleh pihak SPR</li> </ul>	

Disediakan oleh:



**AWANG LAIMAN HJ IKIN**

Setiausaha

Badan Perhubungan PAS Negeri Sabah